



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh : 14hb. Mei 2019

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJK

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN KEMPEN PEMBIAYAAN
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG DAN TUJUAN

1.1 Bagi tujuan menghargai para anggota KPDRM yang terus memberikan sokongan mereka serta bagi memastikan KPDRM kekal bersaing dalam suasana ekonomi semasa, satu kempen diadakan dalam usaha menggalakkan anggota membuat pembiayaan menerusi KPDRM.

2. KETETAPAN

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 30/04/2019 dan 13/05/2019 telah mengambil ketetapan dan seterusnya melancarkan kempen pembiayaan KPDRM bagi menarik lebih ramai anggota membuat pembiayaan menerusi KPDRM.

2.2 Kempen ini akan berlangsung selama 3 bulan bermula daripada 15hb Mei 2019 sehingga 14hb Ogos 2019 sebagaimana jadual yang berikut:-

Bil.	Tempoh	Bulan
1.	15hb Mei 2019 – 14hb Jun 2019	Bulan Pertama
2.	15hb Jun 2019 – 14hb Julai 2019	Bulan Kedua
3.	15hb Julai 2019 – 14hb Ogos 2019	Bulan Ketiga

3. PERADUAN

3.1 Sepanjang kempen ini, satu peraduan akan diadakan dan terbuka kepada semua anggota KPDRM yang layak. (Sila rujuk terma dan syarat)

4. KADAR KEUNTUNGAN

4.1 Mesyuarat Anggota Lembaga juga telah menetapkan Kadar keuntungan yang ditawarkan adalah pada jumlah **4.50%** bagi sepanjang tempoh kempen berlangsung.

4.2 Kadar keuntungan ini adalah terpakai bagi **Pembiayaan Tanpa Penjamin (Akaun 2 sahaja)**. Manakala kadar keuntungan bagi Pembiayaan Tanpa Penjamin (Akaun 1) adalah kekal pada kadar 5.50%.

5. TERMA DAN SYARAT

4.1 Maklumat lanjut kempen pembiayaan berserta terma dan syarat kempen adalah disertakan bersama-sama pekeliling ini dan juga boleh didapati di laman sesawang KPDRM (www.kpd.com.my).

6. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
SETIAUSAHA